

Datuk Musa seru guru atasi cabaran

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Musa Hitam menyeru guru-guru menyedari cabaran yang wujud dalam bidang pendidikan dan berusaha mengatasinya dengan gigih demi menjamin masa depan negara dan generasi akan datang.

Pemangku Perdana Menteri berkata, negara telah mencapai banyak kejayaan dalam bidang pelajaran, tetapi guru-guru perlu insaf bahawa kejayaan itu setelah dicapai perlu dipupuk dan diteliti akan kesannya terhadap sistem pelajaran amnya.

Beliau menyatakan demikian dalam satu majlis bagi meraikan pemimpin 12 kesatuan guru di Rumah Malaysia, di sini malam tadi.

Majlis itu yang dihadiri oleh kira-kira 200 orang bertujuan bertukar-tukar fikiran dan beramah-mesra bagi mengatasi masalah secara positif.

Datuk Musa menggariskan tiga kejayaan yang boleh dibanggakan oleh negara dari segi pelajaran, iaitu pelajaran kini telah "dimerdekakan" dan sesiapa sahaja yang inginkan pelajaran di peringkat rendah atau tinggi tidak di-

halang dari menimba ilmu.

Mutu pelajaran negara pula telah dapat ditingkatkan dan Bahasa Malaysia telah digunakan dengan luasnya tanpa menjadi satu isu politik, katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan kesan dari kejayaan-kejayaan itu -umpamanya, murid-murid terpaksa disesak-sesakkan dalam sebuah kelas kerana terlalu ramai yang ingin mendapatkan pelajaran.

Kesesakan ini akan menyebabkan kekurangan kemudahan, tekanan kepada guru dan ini seterusnya akan mengancam mutu pelajaran serta masa depan kanak-kanak, masyarakat dan negara, tambahnya.

"Saya khawatir sekiranya kita tidak sedar akan cabaran ini dan tidak cuba mengatasi serta tidak menginsafi untuk nasib anak-anak, maka negara kita tidak akan terjamin masa depannya," kata beliau.

Datuk Musa juga menyeru guru memberi khidmat ikhlas dan berdedikasi dalam menjalankan tugas dan tidak hanya mementingkan soal wang ringgit.

Beliau menegaskan, khidmat yang mereka berikan kepada anak-anak dan pelajaran tidak boleh diukur dari segi wang ringgit kerana "wang banyak mana pun tidak boleh cukup".

Katanya, guru yang hanya mengukur khidmat mereka dari segi kewangan tidak layak memegang jawatan itu. — Bernama.